

PERBARISAN AJUTAN PANGKALAN UDARA SUBANG BULAN SEPTEMBER 2018

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3938-perbarisan-ajutan-pangkalan-udara-subang-bulan-september-2018

SUBANG, 26 Sep 18 - Pangkalan Udara Subang telah mengadakan Perbarisan Ajutan Pangkalan bagi bulan September di Padang Kawad Pangkalan, PU Subang. Perbarisan ini terdiri daripada 5 orang Pegawai dan 267 orang anggota Lain-Lain Pangkat. Turut hadir dalam perbarisan ini adalah Pegawai-pegawai berpangkat Kapten TUDM kebawah serta anggota Lain-lain Pangkat.

Ajutan Pangkalan, Kapten Mohd Hafidz Shamsir bin Md. Nasir TUDM telah menekankan berkenaan persediaan aktiviti-aktiviti di dalam pangkalan, sikap ambil tahu serta memperingatkan mengenai larangan penyalahgunaan racun terkawal, bahan psikotropik dan aktiviti menghidu gam sepertimana yang telah dikeluarkan melalui Direktif Panglima Tentera Udara No 5A.

Pada akhir ucapannya, kesemua anggota diingatkan sekali lagi agar menjaga tingkah laku serta kehormatan sebagai seorang anggota tentera terlatih.



